



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

9 SAFAR 1448H/ 24 JULAI 2026M

“UMUR: PELUANG YANG TIDAK BERULANG”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَ الْإِنْسَانَ عَلَى سَائِرِ خَلْقِهِ فَأَرْشَدَهُ إِلَى الْحَقِّ وَالصَّوَابِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَإِلَيْهِ الْمَرْجِعُ وَالْمَأْبُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ إِنَّهُ إِلَى رَبِّهِ أَوَّابٌ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ وَعَلَى آلِهِ الطَّاهِرِينَ
وَأَصْحَابِهِ الْمَهْدِيِّينَ وَمَنْ سَلَكَ سَبِيلَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا
يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa yakni melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT meninggikan darjat kita di sisi-Nya sebagai hamba yang bertakwa. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Hindarilah segala bentuk perbuatan *lagha*, iaitu perkara yang sia-sia seperti berbual-bual, bermain telefon bimbit atau tidur dengan sengaja ketika khutbah dibacakan. Sesungguhnya, mendengar khutbah dengan penuh adab dan khusyuk merupakan tuntutan yang perlu dipelihara demi memperoleh keberkatan serta manfaat daripada peringatan yang disampaikan. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Umur: Peluang yang tidak berulang.”**

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Umur merupakan perjalanan kehidupan yang bermula sejak seseorang dilahirkan sehinggalah tiba saatnya dia kembali menghadap Allah SWT. Setiap detik yang dilalui adalah anugerah dan amanah daripada Allah yang wajib dimanfaatkan sebaik-baiknya. Panjang atau pendeknya umur merupakan ketetapan dan rahsia Allah SWT yang tidak diketahui oleh sesiapa pun. Tiada seorang manusia yang mampu mempercepatkan mahupun melambatkan ajalnya walaupun sesaat. Justeru, setiap hela nafas dan kesempatan yang dikurniakan hendaklah diisi dengan keimanan, amal soleh dan ketaatan kepada Allah SWT sebagai bekalan menuju kehidupan yang kekal di akhirat. Sepertimana dalam firman Allah SWT yang telah dibacakan pada awal khutbah sebentar tadi melalui surah al-A'raf, ayat 34 **yang bermaksud:** *“Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan); maka apabila telah datang tempoh mereka, tidaklah mereka dapat melewatkannya walau sesaat pun, dan tidak (pula) mengawalkannya.”*

JAMAAH YANG BERBAHAGIA,

Kini, kita telah melangkah ke pertengahan tahun 2026, masa yang telah berlalu tidak mungkin dapat dikembalikan. Segala kenangan, sama ada pahit mahupun manis, suka mahupun duka, hanyalah menjadi catatan yang mengajar dan mendewasakan kita. Namun, yang lebih penting ialah menyedari bahawa setiap hari yang berlalu membawa kita semakin hampir kepada saat pertemuan dengan Allah SWT. Justeru, seorang mukmin yang bijaksana ialah mereka yang sentiasa bermuhasabah, menghitung amalan diri serta memanfaatkan baki umur yang masih dikurniakan dengan memperbanyakkan amal soleh serta meninggalkan segala bentuk maksiat. Sesungguhnya, umur yang dipinjamkan kepada kita merupakan nikmat dan modal paling berharga untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi. Keberkatan umur, waktu dan rezeki pula bergantung kepada sejauh mana kita beriman, mentaati segala perintah Allah SWT serta menjauhi segala larangan-Nya. Oleh itu, manfaatkanlah setiap detik kehidupan yang masih berbaki sebelum tiba saatnya yang tidak lagi memberikan peluang untuk beramal. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah adz-Dzariyat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya : *“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Sesungguhnya umur merupakan nikmat dan amanah yang amat berharga daripada Allah SWT. Namun begitu, hakikatnya, ramai manusia hanya menyedari nilai masa apabila diselubungi penyesalan. Penyesalan yang paling besar ialah apabila ajal telah tiba, kerana pada saat itu segala peluang untuk beramal telah pun berakhir. Allah SWT menggambarkan dalam al-Quran bahawa apabila seseorang meninggal dunia, dia memohon agar dikembalikan ke dunia untuk melakukan amal soleh. Namun, permohonan tersebut tidak diperkenankan kerana setiap manusia hanya diberi sekali kesempatan hidup di dunia. Oleh itu, selagi hayat di kandung badan, marilah kita menghargai nikmat masa dengan memperbanyakkan amal soleh, memperkukuh ibadah, memperbanyakkan istighfar dan segera bertaubat. Janganlah kita menjadi golongan yang menyesal setelah segala peluang untuk beramal telah berakhir. Sebaliknya, rebutlah setiap kesempatan yang masih ada untuk menambah bekalan takwa sebagai persediaan untuk bertemu Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Mu'minin, ayat 99-100:

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ ﴿٩٩﴾ لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمٍ يُبْعَثُونَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya: *“(Demikianlah keadaan orang-orang kafir itu), hingga apabila datang kematian kepada seseorang dari mereka, dia berkata, “Ya Tuhanku, kembalikanlah aku (ke dunia), agar aku dapat berbuat kebajikan yang telah aku tinggalkan.” Sekali-kali tidak! Sungguh itu adalah dalih yang diucapkannya saja. Dan di hadapan mereka ada barzakh sehingga pada hari mereka dibangkitkan.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dr. Yusuf al-Qardawi dalam kitabnya *Al-Waqtu fi Hayat al-Muslim* menjelaskan empat hakikat penting mengenai masa. Pertama, masa berlalu dengan begitu pantas. Kedua, masa yang telah pergi tidak akan kembali. Ketiga, masa yang telah berlalu tidak dapat diganti walau dengan apa jua nilai. Keempat, masa merupakan harta yang paling bernilai dalam kehidupan manusia. Justeru, apabila kita mensia-siakan masa,

hakikatnya kita sedang mensia-siakan umur yang dipinjamkan oleh Allah SWT. Para ulama salaf amat menyedari hakikat ini. Imam al-Syafi'i *rahimahullah* menguruskan umurnya dengan penuh disiplin dan keseimbangan. Sebahagian daripada masanya diperuntukkan untuk beribadah kepada Allah SWT, sebahagian lagi untuk berehat bagi memulihkan tenaga, dan selebihnya digunakan untuk bekerja, menuntut ilmu serta berkhidmat kepada masyarakat. Pengurusan masa yang baik menjadikan umur mereka dipenuhi keberkatan dan menghasilkan manfaat yang berkekalan.

Baginda SAW memikul pelbagai tanggungjawab sebagai rasul, pemimpin negara, panglima perang, ketua keluarga dan pendidik umat, Baginda tetap menjadi teladan yang terbaik dalam memanfaatkan setiap detik kehidupan dengan ketaatan dan ibadah kepada Allah SWT.

SIDANG JAMAAH YANG BUDIMAN,

Setiap manusia dikurniakan tempoh masa yang sama, iaitu dua puluh empat jam sehari, semalam. Namun, yang membezakan antara seorang mukmin dengan yang lain ialah bagaimana mereka menguruskan dan memanfaatkan umur tersebut. Islam mendidik umatnya supaya menghargai masa melalui pensyariaan ibadah yang terikat dengan waktu tertentu. Solat fardu diwajibkan mengikut waktu yang telah ditetapkan, puasa hanya diwajibkan pada bulan Ramadan, manakala ibadah haji hanya sah dilakukan pada bulan-bulan haji yang telah ditentukan oleh syarak. Sekiranya ibadah-ibadah tersebut dilakukan sebelum masuk waktunya atau selepas waktunya tanpa keuzuran yang dibenarkan syarak, maka ibadah tersebut tidak diterima. Ini membuktikan bahawa Islam mengajar umatnya supaya menghormati masa dan berdisiplin dalam menguruskan umur yang dikurniakan.

Malah, Allah SWT sendiri mengangkat martabat masa dengan bersumpah atas nama waktu dalam banyak tempat dalam al-Quran. Jika kita menelusuri lembaran al-Quran, kita akan mendapati bahawa Allah SWT bersumpah dengan pelbagai bentuk masa sebagai tanda betapa besarnya nilai dan kepentingan masa dalam kehidupan manusia. Antaranya ialah surah al-Asr (ayat 1-3), surah ad-Dhuha (ayat 1-2), surah al-Lail (ayat 1-2), surah al-Fajr (ayat 1-2) dan surah as-Syams (ayat 1-2). Sumpah-sumpah tersebut menjadi peringatan bahawa masa bukan

sekadar ukuran waktu, bahkan merupakan amanah yang akan dipersoalkan pada hari akhirat.

SIDANG JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari yang penuh berkat ini, marilah kita bersama-sama bermuhasabah bahawa setiap nikmat yang dikurniakan Allah SWT, termasuk umur, masa, pendengaran, penglihatan dan hati, merupakan amanah yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan-Nya. Oleh itu, manfaatkanlah umur yang dikurniakan dengan memperbanyakkan amal soleh, mentaati segala perintah Allah SWT, menjauhi larangan-Nya serta sentiasa melakukan kebaikan kepada sesama manusia.

Segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT hendaklah digunakan pada jalan yang diredai-Nya. Justeru, isilah umur yang dipinjamkan ini dengan iman, amal soleh, kebajikan serta ketaatan kepada Allah SWT, kerana setiap amalan dan setiap nikmat yang dikurniakan akan dipersoalkan di hadapan-Nya pada hari pembalasan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra', ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: *"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Mimbar menyeru para jamaah, bersempena Sambutan Hari Imigresen Ke-104, agar bersama-sama memikul tanggungjawab memelihara kedaulatan negara sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Kedaulatan bukan sahaja meliputi keselamatan sempadan negara, malah merangkumi keamanan, kesejahteraan rakyat dan pematuhan terhadap undang-undang. Dalam konteks ini, Jabatan Imigresen Malaysia memainkan peranan penting dalam mengawal dan menjaga sempadan negara dan penguatkuasaan undang-undang imigresen demi keselamatan rakyat Malaysia. Untuk itu, mimbar menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk menjadi “mata dan telinga” dalam menyalurkan maklumat serta melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang atau aktiviti yang mencurigakan. Usaha memelihara kedaulatan negara bukan hanya dipikul oleh agensi penguatkuasa semata-mata, bahkan memerlukan kerjasama seluruh rakyat untuk berjaya. Marilah kita menjadi warganegara yang bertanggungjawab, menghormati undang-undang dan bersama-sama menyokong usaha Jabatan Imigresen Malaysia dalam memastikan Malaysia terus aman, berdaulat dan diberkati Allah SWT.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan guncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang terkeji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid-masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah jadikan jamaah solat fardhu kami sama seperti jamaah Jumaat pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah, ampunkanlah dosa kami dan dosa kedua ibu bapa kami. Peliharalah institusi kekeluargaan kami agar dipenuhi dengan *sakinah*, *mawaddah*, dan *rahmah*. Jadikanlah rumah tangga kami madrasah iman dan takwa bagi anak-anak kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَنُكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com